

Pelajar UMS dekati penduduk pedalaman

100 mahasiswa kunjungi tiga sekolah di Pensiangan

Oleh Francis Andin
bhvarsiti@bharian.com.my

SERAMAI 100 penuntut Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS), mengambil bahagian dalam program 'Out-reach Babalitan-Logongon, Pensiangan' di Pensiangan, Sabah selama empat hari, mulai 4 Disember lalu.

Sekolah di sekitar Pensiangan yang terbabit dalam program berkenaan ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Salarom Taka, SK Babalitan dan SK Logongon.

Pengerusi program itu, Dr Khalid Johari, berkata program berkenaan adalah yang terbesar pernah diadakan membolehkan lebih 100 peserta daripada MPP UMS dan penduduk 30 buah kampung di sekitar Nabawan, Pagalungan dan Pensiangan.

"Selain mendedahkan penuntut kepada situasi sebenar masyarakat pelbagai etnik di kawasan pedalaman, ia juga membentuk jati diri bakal graduan, khususnya bakal guru untuk mencurahkan bakti di pedalaman," katanya.

Penutupan program itu disempurnakan Ketua UMNO Bahagian Pensiangan, Datuk Abdul Ghani Mohd Yassin.

Program yang diketuai penuntut Tahun 3 Sekolah Pendidikan & Pembangu-



SEBAHAGIAN peserta mengabdikan kenangan di depan SK Logongon, Pensiangan.

nan Sosial UMS, Mohd Adi Madikka itu anjuran bersama Exco Kepimpinan dan Latihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS Sesi 2010/2011, Persatuan Mahasiswa Pendidikan (PERMADIK) dan

Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMS.

Selain bekerjasama dengan pengurusan UMS, program berkenaan turut mendapat kerjasama UMNO Bahagian Pensiangan,

Pejabat Pelajaran Nabawan-Pensiangan, Jabatan Hal Ehwal Khas Pensiangan, Biro Tata Negara dan Alumni UUM.

Ia dijayakan melalui program dikendalikan tujuh

penyelaras, iaitu Kasbulah Mangun, Prof Madya Dr Jumat Sulaiman, Mohd Mahadzir Rahimi, Mohd Rizal Lakim, Surindra Kumar, Jamidia Belun dan Abdul Rahmat.

“Selain mendedahkan penuntut kepada situasi sebenar masyarakat pelbagai etnik di kawasan pedalaman, ia juga membentuk jati diri bakal graduan, khususnya bakal guru untuk mencurahkan bakti di pedalaman”

Dr Khalid Johari
Pengerusi program

Selain meningkatkan ilmu pengetahuan murid, program berkenaan juga memberi pendedahan kepada belia di pedalaman mengenai pelbagai peluang menimba kemahiran yang disediakan kerajaan.

Penuntut UMS pula berpeluang berdamping dengan anggota masyarakat pedalaman ketika mengunjungi Rumah Panjang Babalitan, Bantulon dan Silungai.

Program itu turut dimekarkan dengan aktiviti sukaneka membolehkan peserta program dan penduduk di Babalitan dan Pagalungan bagi mengeratkan hubungan peserta dengan anggota masyarakat tempatan.